

Ref: K.P. 8585-8/(67)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

6hb. Oktober, 1971

Ketua Pegawai Pelajaran,
Semua Negeri,
Malaysia Barat.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas No. 12/1971

Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Baharu
bagi Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/1971 (K.P. 8585-8/(65)) bertankh 28hb. Ogos, 1971 adalah dirujuk.

2. Saya adalah diarah memaklumkan bahawa Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Baharu ini hendaklah digunakan dalam semua darjah di Sekolah Rendah Kebangsaan dari Darjah Satu hingga Darjah Enam mulai daripada Januari 1972.


3. Jadual yang berikut adalah menunjukkan keadaan tersebut pada tahun 1971 dan 1972:-

Tahun	Darjah	Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris	Masa yang sekurang-kurangnya seminggu
1971	Satu dan Dua	Sukatan Pelajaran Baharu	Darjah 1 - 300 minit Darjah 2 - 300 minit
1972	Satu hingga Enam	Sukatan Pelajaran Baharu	Darjah 3 - 300 minit Darjah 4 - 300 minit Darjah 5 - 300 minit Darjah 6 - 300 minit

4. Oleh kerana murid-murid dalam Darjah Empat hingga Darjah Enam dalam tahun 1972 di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan tidak mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Baharu pada tahun 1971, maka adalah disedari bahawa Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan tidak akan dapat memberi perhatian yang sama mendalamnya terhadap item item Sukatan Pelajaran itu seperti murid-murid dalam Darjah Empat hingga Darjah Enam di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) yang telah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam mata pelajaran Sains dan Ilmu Hisab.

5. Harap tuan beritahu isi surat pekeliling ini kepada guru-guru besar yang berkaitan.

Saya yang menurut perintah,



(Kum Boo)

Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

S.k. S.U. kepada Y.B.M.
Y.B. Setiausaha Parlimen.
Ketua Setiausaha.
Ketua Pengarah Pelajaran.
Timbalan Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.
Pengarah (Latihan Guru-guru) — 10 salinan.
Ketua Nazir — 10 salinan.
Pengarah Peperiksaan — 5 salinan
Semua Ketua-ketua Bahagian yang lain.

Pengarah Pelajaran,)
Sabah/Sarawak.) Mel Udara

(Untuk makluman dan tindakan sewajarnya).

Pegawai Kanan,
Biro Buku-buku Teks.

(Sila beritahu semua penerbit-penerbit buku-buku teks).

KB/rt